

10 JUN 1999

PEMBANGKANG MAHU PASUKAN PEMERHATI PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Empat parti pembangkang hari ini menyeru supaya sebuah pasukan antarabangsa serta tempatan ditubuhkan untuk memerhati perjalanan pilihan raya umum akan datang.

Keanggotaan pasukan itu hendaklah dipersetujui bersama oleh pihak kerajaan dengan parti-parti pembangkang bagi melaporkan sekiranya ada apa-apa taktik kotor yang berlaku dan mengenalpasti pihak-pihak yang melakukannya, menurut kenyataan yang dikeluarkan petang ini,.

Kenyataan itu ditandatangani Presiden PAS Datuk Fadzil Noor, Presiden Parti Keadilan Nasional Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang dan Presiden Parti Rakyat Malaysia Dr Syed Husin Ali.

Ke-empat pemimpin pembangkang itu menolak komen Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pilihan raya umum akan datang bakal menjadi yang terkotor dalam sejarah Malaysia kerana parti-parti pembangkang.

Kata mereka, parti-parti pembangkang, yang disebut dalam kenyataan itu sebagai parti-parti alternatif, sama sekali tidak mempunyai alat atau jentera untuk melakukan sebarang taktik kotor.

Dr Mahathir berkata pilihan raya akan datang akan menjadi lebih kotor kerana parti lawan menghalalkan perkataan kesat, jijik, kotor dan mencarut. Para pemimpin pembangkang itu berkata mereka tidak pernah menghalalkan perkataan kesat dan kotor dalam ceramah tetapi sebaliknya menasihatkan penceramah supaya berhujah secara sopan.

-- BERNAMA

AU LAT